

# Derma juga kepada bukan Islam — PM

KUALA LUMPUR 10 Mac— Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru, dermawan Islam supaya turut menghulurkan derma kepada bukan Islam.

Katanya, ini perlu dilakukan memandangkan golongan bukan Islam juga turut memberi derma mereka kepada orang Islam.

"Ini dapat lihat umpamanya di Somalia, di mana makanan dan barangan dihulurkan oleh bukan Islam tanpa mengira sama ada yang menerima itu umat Islam atau tidak," katanya.

Berucap di majlis penyampaian bantuan Hari Raya kepada anak-anak yatim Islam Wilayah Persekutuan, di sini, malam ini, Dr. Mahathir berkata, jika dermawan Islam menghulurkan derma kepada bukan Islam ia akan mewujudkan imej yang baik bagi agama Islam sebagai satu agama yang bukan sahaja bersedia menerima tetapi juga memberi.

"Selain itu ia juga akan mengeratkan hubungan umat Islam dengan bukan Islam dan seterusnya mewujudkan keamanan," katanya.

Dr. Mahathir juga menyeru anak-anak yatim supaya tidak bergantung kepada bantuan semata-mata.

"Mereka harus berusaha untuk menolong diri sendiri kerana cara ini akan membentuk mereka menjadi orang yang bertanggungjawab dan merasa diri terhormat," tegasnya.

Beliau berkata, dengan membebaskan diri mereka secepat mungkin daripada menerima bantuan, ia akan memberi peluang kepada golongan lain menikmatinya.

Perdana Menteri berkata, selagi umat Islam bergantung kepada pihak lain, mereka akan terus merasa tidak bebas dan tidak mampu membina diri sendiri.

"Dengan membebaskan

diri kita dari bantuan seumpama itu, umat Islam akan mampu menjadi masyarakat yang kukuh dan kuat," katanya.

Dr. Mahathir juga menegaskan, penindasan yang berlaku ke atas umat Islam sekarang adalah kerana umat itu tidak mempunyai kemampuan dan miskin dari segenap segi.

Kata Perdana Menteri, kemiskinan itu bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga dari segi ilmu, kecekapan, disiplin dan sebagainya.

Turut hadir di majlis penyampaian itu ialah isteri Perdana Menteri, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha.